

HUBUNGAN ISLAM-BARAT: MUNGKINKAH ADA JALAN PEMULIHAN?

Oleh:

Kamarudin Salleh *

Abstract

The article intends to disclose the trends and patterns of relationship between Islam and the West since the beginning of the contact of both of the civilizations. To get a comprehensive perspective, the study firstly highlights the earliest historical facts of the relationship of Islam and Christianity (West). Secondly, presents the time of peace, harmony and mutual support which benefits much these two great civilizations. Thirdly, discusses the era of confrontation and war that lasts for centuries to these days. Finally, presents suggestions to bridge the gap between the two civilizations, hopefully to bring them to terma that acceptable and applicable to the whole World especially Islam and the West.

PENDAHULUAN

Perbincangan menyentuh hubungan Islam dan Barat bukan merupakan suatu subjek baru, baik bagi pihak Islam mahupun Barat. Kedua-dua pihak mempunyai rantaian hubungan yang amat panjang, klasik, kronik, kontroversi dan penuh liku serta perdamaian dan permusuhan. Setiap pihak mempunyai persepsi dan perkiraan tersendiri dalam menilai hubungan ini dan lumrahnya mendorong ke arah sudut pandang (*view point*) negatif. Perubahan-perubahan semasa yang berlaku mutakhir ini di seluruh dunia (sebelum berakhirnya abad ke 20 dan menjelang alaf baru ke 21) menyaksikan kekangan, tekanan dan sekatan (embargo) dunia Barat dihalakan ke dunia Islam. Mungkin, kemuncak kepada segala rentetan peristiwa dan fenomena ini ialah serangan "pengganas" ke atas PWTC pada 11 September 2001, pelanggaran Amerika dan sekutunya ke atas Afghanistan dan terbarunya penaklukan ke atas Iraq oleh kuasa besar dunia itu dan rakan baiknya Britain.

Apakah dengan runtuhnya USSR, tumbangannya sistem dan ideologi komunis, berpecahnya Yugoslavia, Chekoslovakia atau negara-negara Blok Timur, tamatnya

* Kamaruddin Salleh, M.A. Pensyarah Kanan di Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Perang Dingin antara Amerika Syarikat dan Soviet Rusia, memberikan lebih banyak ruang kepada Barat mengalihkan pandangannya ke dunia Islam? Adakah benar andaian dan dakwaan Samuel P. Huntington dalam bukunya *The Clash of Civilizations* yang meramalkan bahawa pertembungan seterusnya dalam tamadun dunia selepas perang dingin adalah antara Islam dan Barat? Begitu juga dengan tulisan Francis Fukuyama dalam bukunya *The End of History and the Last Man*. Catatan ini sebenarnya untuk melihat serba ringkas tentang hakikat dan senario umum hubungan Islam-Barat sebelum meneroka perbincangan selanjutnya.

SEJARAH AWAL HUBUNGAN AGAMA ISLAM BARAT (KRISTIAN)

Mengkaji sejarah awal hubungan Islam Barat dari dimensi agama memperlihatkan betapa kuatnya jalinan, ikatan dan persamaan asal-usulnya, bahkan mungkin lebih teguh daripada apa yang sebahagian besar orang Barat sedar, kerana dimensi agamalah yang menjadi *cornerstone* yang melingkari hubungan Muslim, Kristian dan Yahudi. Sekaligus juga diakui, Muslim, Kristian dan Yahudi adalah “the People of the Book” atau dalam kategori “*Al-Dīn al-Ibrāhimi* atau Abrahamic Faith” yang mengimani Tuhan yang sama, yang menciptakan manusia dan meletakkan taklif ke atas setiap laku perbuatan untuk diberi ganjaran pahala atau siksaan¹.

Perkara pokoknya di sini, setiap agama Samawi di atas mempunyai akar ketauhidan yang sama. Islam sebagai agama bongsu dan penutup adalah merupakan agama ketundukan secara total kepada Tuhan (Allah) sama seperti agama-agama yang dibawa oleh nabi-nabi dan rasul-rasul sebelum nabi Muhammad s.a.w. Di mana setiap daripada mereka mendakwahkan kepada prinsip yang sama (keIslaman dan ketundukan kepada Tuhan) kerana Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Isa, Nabi Musa dan Nabi Muhammad s.a.w. menerima risalah ketuhanan yang sama. Menurut Mohammed Abdou Yamani: Risalah-risalah Nabi Musa a.s. dan Nabi Isa a.s. yang kemudiannya digelarkan oleh pengikutnya yang mutakhir dengan nama *Judaism* dan *Christianity* adalah penamaan atau gelaran yang tidak tepat. Kalimah *Judaism* katanya, tidak pernah disebutkan di dalam

¹ Persamaan penamaan Islam (dalam konteks bahasa) boleh dilihat menerusi ayat-ayat Al-Qur'an di mana para nabi dan rasul terdahulu turut mengiklankan kemusliman mereka, contohnya nabi Nuh a.s. menyatakan:

وَأَمْرٌ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ (Yunus: 72), dan Ibrahim a.s. dan Ismail a.s.

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ (al-Baqarah: 128). Beberapa kenyataan lain seperti wasiat Ibrahim a.s. dan Ya'kub a.s. kepada anak-anak mereka (al-Baqarah: 132), Yusuf a.s. (Yusuf: 101), Musa a.s. (Yunus: 84) dan lain-lain lagi.

Hubungan Islam-Barat: Mungkinkah Ada Jalan Pemulihan?

Torah (Taurat) dan Mishnah. Ia hanya dicipta oleh orang-orang bukan Jews di Palestine merujuk kepada agama yang diikuti oleh orang-orang Jews di Judea sebagai *Judaism*. Ini merupakan pandangan yang salah. Justeru Nabi Musa a.s. tidak pernah menggunakan terma tersebut, begitu juga Nabi Daud a.s. dan Nabi Sulaiman a.s. Berpindah kepada terma *Christianity*, hal yang sama juga dapat dilihat, di mana terma tersebut tidak pernah disebutkan dalam Bible. Serentak itu juga, Nabi Isa a.s. tidak pernah menamakan dirinya “Christ”. Jadi yang pentingnya dapat disimpulkan risalah umum mereka ialah Islam dengan erti ketundukan, penyerahan diri kepada Allah semata-mata tidak kepada yang lain². Dengan demikian, Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. bukan merupakan ajaran atau agama ciptaan baru tetapi penerusan siri-siri risalah kenabian sebelumnya, di samping merupakan *khatm al-nabiyyin*:

Islam is not a new innovation of history nor an accumulation of earlier philosophies or trends of prophets and completed and perfected by the Prophet Muhammad as the seal of the earlier prophets³.

Berbalik kepada pengiktirafan Al-Quran, secara spesifik disebutkan golongan Kristian dan Yahudi diberi status istimewa dengan gelaran sebagai Ahli Kitab. Banyak ayat Al-Quran mengarahkan umat Islam agar menghormati dan bermuamalah dengan mereka secara baik. Firman Allah dalam surah al-Ankabut, ayat 46:

﴿ وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ
وَقُولُوا ءَامَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ
مُسْلِمُونَ ﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang zalim di antara mereka, dan katakanlah: Kami telah beriman kepada (Kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu. Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu, dan kami hanya berserah diri kepadaNya⁴.*

² Mohammed Abdou Yamani (1997). “Islam and the West: The Need for Mutual Understanding”, dalam *The American Journal of Social Sciences*, bil. 14, h. 88.

³ *Ibid.*, h. 89.

⁴ Antara ayat lain yang menyentuh Ahli Kitab ialah surah Ali-Imran ayat 64 dan al-Baqarah ayat 136.

Sebagai tambahan, sesuatu yang mengkagumkan semua juga, Al-Quran dengan gambling membuat deklarasi bahawa keimanan dan keselamatan tidak hanya terhad kepada kaum Muslim atau menafikan hal sedemikian kepada bukan-Muslim. "Nor does it limit the attribution of faith and salvation to Muslims; rather, it extends it to non-Muslims"⁵. Al-Quran mengungkapkan setiap individu yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat serta melakukan kebaikan akan dijamin keselamatannya⁶.

Dari perspektif ikatan dasar keagamaan yang khusus, hubungan Islam Barat boleh dinilai dalam kerangka yang lebih luas iaitu sewaktu nabi Muhammad s.a.w. dilahir, dibesar dan diangkat menjadi Pesuruh Allah, menunjukkan wujudnya hubungan persefahaman dan pertolongan antara kedua-dua tamadun tadi, bukannya semata-mata dalam konteks Perang Salib atau pertentangan kepentingan ekonomi seperti yang seringkali dipaparkan.

SOKONGAN AWAL MUSLIM KEPADA KRISTIAN DAN SEBALIKNYA

Sejarah awal hubungan politik Islam Kristian, dapat ditelusuri bermula daripada pertembungan dua kuasa besar, masa itu di Timur Tengah iaitu Kristian (Byzantine Timur) dan Zoroaster-Mazda (Empayar Parsi Sassan)⁷. Sezaman dengan itu juga Rasulullah s.a.w. baru sahaja dibangkitkan. Kerajaan Parsi telah berjaya mengalahkan kerajaan Byzantine dengan menakluki Aleppo, Antioch dan Damsyik. Kemudiannya apabila Jerusalem juga telah jatuh ke tangan Parsi sekitar 614 dan 615M, bandar dan gereja-gereja telah dibakar, harta benda dirampas dan dicuri dan ramai orang-orang Kristian dibunuh. Selanjutnya selepas menguasai Mesir, tentera Parsi mengarah ke Barat sampai ke Tripoli dan di Timur pula

⁵ Louay M. Safi, *Overcoming the Polemics of Intolerance*, editor *American Journal of Islamic Social Sciences*, vol. 19, num. 2, Fall 2002, h. 1. (<http://www.amss/AJISS/PastIssues/editorial19-3.htm>)

⁶ Firman Allah dalam Surah al-Ma'idah ayat 69, "Sesungguhnya orang-orang Mukmin. Orang-orang Yahudi, Sabiin dan orang-orang Nasrani dan siapa sahaja (di antara mereka) yang benar-benar beriman kepada Allah, hari Kemudian dan beramal soleh, maka tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati."

⁷ "The two great empires fought each other bitterly for supremacy. But they also stood for two quite different concepts of the world, two conflicting religions. Christianity ruled in Byzantium. The official religion of Iran was Mazdaism, a religion founded by Zarathustra and based on the cosmic opposition of the principles of Good and Evil". Lihat Maxime Rodinson (1971). *Mohammed*. London: Penguin Books, h. 1-37.

sampai ke Konstantinople (Istanbul). Watt ada menyatakan: “*The Persians defeated the Byzantines, conquered Syria and Egypt, and in 614 entered Jerusalem and took away the True Cross*”⁸.

Semenanjung Tanah Arab, walau bagaimanapun tidak ditakluki oleh mana-mana pihak secara rasmi (ada pemerintah di sekitarnya yang tunduk kepada kuasa-kuasa tadi), cuma penguasaan salah satu daripada dua kuasa besar di atas memberi kesan ekonomi dan perdagangan yang dijalankan oleh peniaga-peniaga Quraisy secara khususnya. Di mana dapat dilihat masyarakat Jahiliyah Quraisy lebih memihak kepada pemerintah Zoroasterian Parsi dan gembira dengan kekalahan kerajaan Byzantine dengan andaian bahawa kemusnahan kuasa Kristian akan membantutkan penyebaran dakwah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Kemungkinan ini jelas kerana kerajaan Byzantine, Abbysinia melayan dan memberi suaka politik kepada pengikut-pengikut Rasulullah s.a.w. Ini menunjukkan adanya hubungan baik antara Islam dan Kristian dari sudut politik pun. Rasulullah s.a.w. dan pengikutnya juga bersimpati dengan kekalahan kerajaan Kristian Byzantine. Bahkan Al-Quran sendiri menyatakan kemenangan Parsi tidak lama, kerana beberapa tahun kemudiannya iaitu pada 622M atau sekitar tujuh tahun kemudian Kerajaan Byzantine dapat mengalahkan Parsi kembali seperti mana yang direkodkan oleh firman Allah dalam surah al-Rum ayat 1-3.

الْمِ ۝ غَلِبَتِ الرُّومُ ۝ فِي آدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ عَلَيْهِمْ سَيِّئَاتُ ۝

Maksudnya: *Alif, Lam, Min. Telah dikalahkan bangsa Romawi⁹, di negeri yang terdekat dan mereka sesudah dikalahkan itu akan menang pula.*

⁸ W.M. Watt (1961). *Muhammad: Prophet and Statesmen*. London: Oxford University Press, h. 4.

⁹ Bangsa Romawi adalah satu bangsa yang beragama Nasrani yang mempunyai kitab Suci sedangkan bangsa Parsi adalah beragama Majusi, menyembah api dan berhala (musyrik). Kedua bangsa itu saling perang memerangi antara satu sama lain. Ketika tersiar berita kekalahan bangsa Romawi di tangan bangsa Parsi, maka kaum musyrik Mekah menyambutnya dengan penuh kegembiraan kerana mereka berpihak kepada kaum Musyrik Parsi. Sedangkan kaum Muslimin berdukacita. Kemudian turunlah ayat ini dan ayat yang berikutnya menerangkan bahawa bangsa Romawi sesudah kalah itu akan mendapat kemenangan dalam masa beberapa tahun sahaja. Hal ini benar-benar terjadi. Beberapa tahun sesudah itu, menanglah bangsa Romawi dan kalahlah bangsa Parsi. Dengan kejadian yang demikian nyatalah kebenaran Nabi Muhammad sebagai nabi dan rasul dan kebenaran Al-Quran sebagai firman Allah (Lihat nota 1164 dalam *Al-Qur'an dan Terjemahnya*. Madinah: Kerajaan Saudi Arabia, 1412H, h. 641). Nurcholish Madjid (1992) dalam bukunya *Islam Doktrin dan Peradaban: Sebuah*

Secara terperinci fakta sejarah, memang mengesahkan wujudnya tali persahabatan dan amalan bantu membantu di antara Muslim dan Kristian seperti kes yang berlaku ke atas Rasulullah s.a.w. sendiri pada usia kanak-kanaknya, ketika baginda s.a.w berada di bawah jagaan bapa saudaranya Abu Talib. Beliau telah mengikuti bapa saudaranya pergi berniaga ke Syam dan apabila tiba di sana, seorang paderi Kristian yang bernama Buhaira telah menasihati Abu Talib supaya membawa pulang Muhammad ke Mekah secepat mungkin, kerana dibimbangi akan dipengapakan oleh orang Yahudi dan Kristian fanatik lain, kerana Buhaira dapat melihat tanda-tanda kerasulan pada perwatakan dan wajah Muhammad seperti yang digambarkan oleh Injil¹⁰.

Seterusnya selepas dilantik menjadi rasul dan memulakan gerakan penyebaran dakwah, Rasulullah s.a.w. mempunyai inisiatif yang tinggi dengan mengutus surat melalui duta-duta beliau ke merata tempat. Contohnya surat Rasulullah s.a.w. kepada pemerintah Empayar Rom, Heraclius pada 11hb. Mei 628M (1hb. Muharram 7H) mengajak Raja Rom itu menerima dakwah Islam. Dan surat tersebut dijawab dengan baik oleh Raja Heraclius¹¹

Telaah Kritis Tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan dan Kemoderanan mencatatkan "Meskipun semua orang telah tahu bahawa dalam pandangan Al-Quran (dan banyak sarjana kajian Bible moden), paham Ketuhanan dari Nabi Isa itu telah berubah dari aslinya, namun Nabi Muhammad s.a.w. dan kaum Muslim di zaman beliau tetap mempunyai simpati yang jauh lebih besar kepada kaum Kristen yang diwakili Romawi (Bizantium) daripada kepada kaum Majusi yang diwakili Persia. Sedangkan musuh-musuh Nabi dan kaum beriman, yang terdiri dari kaum musyrik Makkah, bersikap sebaliknya: bersimpati kepada Persia yang Majusi dan tidak kepada Romawi yang Kristen. (Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina, h. 31).

¹⁰ Muhammad Husayn Haikal (1988). *The Life of Muhammad*, (trj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 150.

¹¹ Khurshid Ahmad (1995). "Islam and the West: Confrontation or Cooperation?" *The Muslim World*, vol. 85, h. 63. Untuk memperkukuhkan fakta ini dibawa beberapa misi dakwah Rasulullah s.a.w. yang banyak mengirim surat kepada raja-raja dan pemimpin-pemimpin negara di sekitarnya dengan isi mengajak mereka memeluk Islam, antaranya ialah dengan mengutus Dahiyah al-Kalby kepada Heraclius, Abdullah bin Huzafah al-Sahmy ke Parsi, Hatib bin Abi Balta'ah kepada Muqauqus penguasa Mesir, 'Umar bin Umayyah kepada Negus, Raja Habsyah dan Syuja' bin Wahb al-Asady kepada Haris al-Ghassany, Raja Syria. Amr bin al-'Āṣ kepada penguasa Oman, Sulaiṭh bin Amr kepada penguasa Yamamah, Ala' bin Abi al-Hadramy kepada Mundzir bin Sawi al-Abdī, Raja Bahrain dan Muhajir bin Umayyah al-Mahzumī kepada Haris bin Abdul Kalal al-Himyari, Raja Yaman. Maklumat ini diringkaskan dari buku Dr. Muhammad Yūsuf Mūsa (1988). *Al-Islām wa al-Hājah al-Insāniyyah Ilayh*. Jakarta: Rajawali Pers, h. 37).

Perkembangan hubungan berbentuk persahabatan dan saling melindungi seterusnya dapat diperhatikan apabila penganiayaan dan kekejaman kaum musyrik Mekah ke atas pengikut Rasulullah s.a.w. berlaku secara berleluasa, sebilangan sahabat Rasulullah s.a.w. termasuk Uthman bin Affan mendapatkan perlindungan politik di bawah Raja Kristian di Abbysinia (Ethopia). Demikianlah juga selepasnya iaitu apabila Islam memerintah masyarakat Kristian dan Yahudi di mana mereka dapat hidup dengan aman di bawah naungan Islam¹².

Seterusnya pada zaman kegemilangan keilmuan Islam, sewaktu pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyah dan secara khususnya pada zaman Harun al-Rashid dan al-Makmun, terdapat ramai tokoh penganut agama Kristian tinggal dan bekerja dengan pemerintah Islam, misalnya Yuhana al-Dimashqi (676-749M). Beliau telah mengarang buku bertujuan untuk menghindar orang-orang Kristian dari memeluk agama Islam antaranya *Muḥāwarāt ma'a al-Muslim* dan *Irshādāt al-Naṣāra fī Jadāl al-Muslimīn*. Namun beliau adalah orang Kristian Timur yang bukan menjadi fokus utama (walaupun berkaitan) kerana yang mahu ditekankan ialah orang Kristian Barat. Kemudian diikuti oleh ramai tokoh lain seperti Ya'kub al-Rahawi (M 708), seorang Nasrani Syria, Yuhana bin Masawih, yang mana Khalifah al-Makmun melantik beliau menjadi ketua *Bayt al-Ḥikmah* pada tahun 215H. Beliau meninggal pada 857M. Hunayn bin Ishaq, seorang penterjemah dari agama Nasrani yang hebat dan Ishaq bin Hunayn, Qista bin Luqa, Mutta bin Yunus, Yahya bin 'Adi dan lain-lain lagi yang berkerja dan berkhidmat di bawah pemerintahan Islam¹³.

Bagi memaparkan perhubungan harmoni dan positif antara agama Islam dan Yahudi pula (termasuk Kristian) Max I. Dimont mengisahkan bagaimana kedatangan Islam ke Sepanyol telah mengakhiri proses Kristianisasi paksa oleh penguasa sebelumnya. Pemerintahan Islam selama 500 tahun menciptakan negara Andalus untuk tiga agama dan "satu tempat tidur". Gambaran kerukunan dan keamanan serta peradaban gemilang bersama.

¹² Karen Armstrong dalam tulisannya *History of God* menyatakan: "Muslim never sought to proselytize among Christians and Jews. Edward W. Blyden dalam tulisannya *Islam, Christianity and the African Race* menambah:

Under the Moorish Governments of Spain, when Islam enjoyed political ascendancy, the large masses of native Christians were protected by wide toleration, not as a political expedient, but in conformation with the laws of Islam. The Christians were permitted to have their bishops, churches and monasteries, and to be judged by their own laws and tribunals, whenever the questions at issue was one that related only to themselves.

¹³ 'Irfān 'Abd al-Ḥamīd Fattāḥ (1984). *al-Falsafah al-Islāmiyyah: Dirāsah wa Naqd*. Beirut: Mu'asasah al-Risālah, h. 55-58.

The Arab conquest of Spain in 711 had put an end to the forcible conversion of Jews to Christianity begun by King Richard in the sixth century. Under the subsequent 500 year rule of the Moslems emerged the Spain of three religions and "one bedroom". Mohammedans, Christians, and Jews shared the same brilliant civilization, an intermingling that affected "bloodlines" even more than religious affiliation¹⁴.

KRISIS DALAM HUBUNGAN ISLAM BARAT

Membicarakan persoalan krisis, dalam sejarah hubungan Islam Barat, titik tolak awalnya juga dapat diperhatikan dari dimensi agama iaitu persoalan pengiktirafan dan pengakuan sebagai agama universal antara ketiga-tiga ini; Yahudi, Kristian dan Islam. Komuniti Kristian dan Islam secara khususnya percaya, telah ada perjanjian antara mereka dengan Tuhan untuk memenuhi amanah besar iaitu menyempurnakan dan memperbaiki masyarakat yang lebih awal apabila wahyu yang telah diturunkan kepada mereka menerusi para rasul dan nabi telah diselewengkan. Masyarakat didapati berada dalam kesesatan. Kedua-dua agama tadi juga percaya bahawa rasul mereka merupakan rasul terakhir dan penamat bagi siri kewahyuan dan kerasulan sebelumnya. Petikan di bawah membuktikan berlakunya perbezaan dakwaan kedua-dua agama Samawi di atas:

Both Christianity and Islam claimed a universal mission; each was a transnational community based upon common belief and a vocation to be an example to the nations of the world, the vehicle for the spread and triumph of God's kingdom. However the challenge of Islam was not at the level of theological discourse and debate. The success of the Muslim armies and missionaries was experienced as a force which seemed to come out of nowhere to challenge the very existence and foundations of Christendom¹⁵

Kesan daripada perbezaan pendirian keagamaan di atas, krisis dan pertembungan terus menerus menjadi lebih parah dan sukar diubati. Lebih-lebih lagi, apabila berlakunya siri Perang Salib 1095-1291 (The Crusades) di antara Islam (the Muslim Armies of the Saracen) dan Kristian (the Christian Armies of the Frank) sekitar kurun ke 11M hingga ke 13M, sebanyak 8 siri peperangan

¹⁴ Max I. Dimont (1973). *The Indestructible Jews*. New York: New American Library, h. 203.

¹⁵ J.L. Esposito (1992). *The Islamic Threat: Myth or Reality*. Oxford: Oxford University Press, h. 38.

Hubungan Islam-Barat: Mungkinkah Ada Jalan Pemulihan?

besar. Di mana pada kurun ke 11M inilah juga dapat dilihat perubahan yang ketara dalam hubungan Islam Barat, menerusi timbulnya kesedaran kalangan ilmuwan Barat untuk memperdalam berbagai bidang ilmu (selepas Zaman Gelap) dan gerakan ketenteraan mula dikerah untuk menakluk kembali kota Jerusalem dari tangan Islam¹⁶.

Peperangan yang berlaku bukan sahaja merosak dan memusnahkan alam sekitar, harta benda, binatang dan tanam-tanaman, bahkan juga mengorbankan ribuan nyawa manusia sama ada Muslim atau Kristian. Pengalaman permusuhan dan peperangan ini menjadi satu igauan buruk dan pahit satu sama lain. Ini memberi kesan negatif dengan timbulnya sikap dendam, benci, marah, prejudis dan tidak mempercayai antara satu sama lain. Barat sebagai contohnya melabelkan umat Islam sebagai "sick man" yang menyusah dan membebankan orang kulit putih dan perlu dibantu. Dari sudut lain wujud aspek positifnya apabila kalangan cendekiawan Barat berusaha memahami Islam sebagaimana pernyataan berikut:

One positive outcome of all this anxiety in the West has been sustained effort, whether by churchmen, politicians, businessmen or journalists, to try to understand further the complexities of Islam and the phenomenon of fundamentalism in its many and varied guises. But a fog of misapprehension still continues to inform popular western attitudes towards Islam in which, for example, fundamentalism is principally associated with gun-toting terrorists or medieval-looking clergymen¹⁷

Usaha-usaha seterusnya untuk memahami Islam dari pihak Barat yang paling berkesan dan berpengaruh sejak awal dahulu sehingga kepada zaman Moden ini ialah menerusi satu gerakan yang dinamakan Orientalisme. Namun adalah sukar untuk menentukan tarikh yang tepat bila berlakunya gerakan Orientalisme ini, walaupun sesetengah pengkaji menunjukkan bahawa orang Kristian cuba menentukan permulaan lahirnya Orientalisme secara rasmi ialah bersamaan dengan resolusi perhimpunan gereja Vienna pada tahun 1312M, untuk menubuhkan Kursi Bahasa Arab di beberapa universiti di Eropah.

Dalam masa yang sama, rekod sejarah lebih awal, kelihatannya membuktikan Orientalisme gereja memang sudah wujud sebelum tarikh perhimpunan gereja di Vienna, tetapi ia merupakan rekod yang tidak rasmi. Oleh itu pengkaji-pengkaji

¹⁶ J.L. Esposito (1994). *Islam: The Straight Path*. Oxford: Oxford University Press, h. 59-61.

¹⁷ Sadruddin Aga Khan (1985). "Islam and the West," *Islamic Quarterly*, vol. 29, h. 65.

Eropah tidak mahu berpegang kepada tarikh tersebut dan kajian terus dijalankan bagi menentukan tarikh permulaan Orientalisme berdasarkan tahun-tahun anggaran¹⁸. Jadi dapat disimpulkan juga bahawa pertentangan yang berlaku antara Islam dan Kristian di Sepanyol dan Sevilla telah mendorong kemunculan Orientalisme Barat, sebagaimana perang Salib telah mendorong orang Eropah untuk berusaha mempelajari ajaran Islam dan adat resamnya. Dengan ini boleh dikatakan bahawa tarikh awal gerakan Orientalis ialah tarikh pertentangan antara agama Kristian di Barat dengan agama Islam di Timur daripada aspek agama dan ideologi sejak kurun pertengahan. Menurut Southern¹⁹, Islam merupakan satu masalah yang berpanjangan bagi dunia Kristian di Eropah dalam semua peringkat²⁰. Gerakan Orientalisme ini kemudiannya seolah-olah menjadi satu agenda kepada Barat untuk memahami Islam dan umatnya. Di sebalik itu umat Islam memandang kalangan Orientalis ini sebagai penyebab utama melahir dan memaparkan imej buruk Islam kepada dunia Barat dan umumnya Orientalis dianggap berniat jahat dalam kajian mereka ke atas Islam. Keadaan begini meneruskan hubungan krisis Islam Barat hingga kini.

Respon daripada Kristian Barat juga, tidak banyak perubahan di mana kecenderungan lebih banyak menjurus kepada permusuhan, tidak ada toleransi dan kebencian. Fakta-fakta semasa banyak memperkukuhkan tindakan luar biasa dan tidak seimbang mahupun simpati kepada Islam dan umatnya seperti yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, Afghanistan, Iraq, Palestine dan paling terkini ugutan ke atas Iran oleh Amerika. Berdasarkan persejarahan awalnya, terdapat usaha-usaha berterusan untuk merampas kembali tanah jajahan yang pernah dikuasai Islam pada zaman kegemilangannya: antaranya menakluk kembali Sepanyol dari (1000 - 1492M), Itali dan Kepulauan Sicily (1061M) dan seterusnya siri Perang Salib (1095 - 1291/1453M). J.L. Esposito ada menyebut dua mitos yang mendominasi orang Barat menyentuh persepsi terhadap Perang Salib ialah: ... first, that the crusades were simply motivated by a religious desires to liberate Jerusalem, and second, that Christendom ultimately triumphed²¹.

¹⁸ Mahmud Hamdi Zaquz (1989). *Orientalisme: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam* (terj.), Mudasir Rosder dan Che Yusof Che Mat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

¹⁹ Southern (1975). *Naẓrat al-Gharb ʾilā al-Islām fī Qarn al-Wasat*, (terj.) Ali Fahmi Khashim dan al-Din al-Husni, Libya: Dār Maktabah al-Fikr, h. 17.

²⁰ M. H. Zaquz (1989), *op.cit*, h. 4.

²¹ J.L. Esposito (1997), *op.cit*, h. 50.

KE ARAH PEMULIHAN HUBUNGAN ISLAM BARAT

Umum diterima bahawa permusuhan, pertikaian dan peperangan tidak membawa kebaikan kepada sesiapa pun, Islam mahupun Barat. Pepatah Melayu sendiri ada menyatakan bahawa “yang menang menjadi arang, yang kalah menjadi abu”. Kedua-duanya musnah binasa. Agama sendiri, baik Islam, Yahudi atau pun Kristian dan agama-agama lain, menolak dan menentang persengketaan. Jadi satu langkah konstruktif dan bijaksana perlu diwujudkan bagi membina kembali jambatan hubungan yang rapuh tersebut ke arah perdamaian dan persahabatan sejagat di atas dasar kemanusiaan. Ertinya sama-sama memanfaatkan kehidupan di atas dunia ini. Kelebihan dan kekurangan masing-masing disusun atur secara saksama dan seboleh-bolehnya diagih secara berimbang. Dunia Islam, sebagai contohnya dengan jumlah populasi sekarang melebihi dari 1.2 bilion penduduk²² dan dianugerahi dengan pelbagai sumber dan bahan asli yang banyak, sebenarnya menyediakan dan menawarkan manfaat ekonomi bersama kepada Barat dan dunia lain, sekiranya kerjasama yang baik antara kedua-dua pihak dapat dijalinan. Nyatanya Barat banyak bergantung kepada sumber minyak daripada dunia Islam dan sebaliknya, dunia Islam memerlukan teknologi (*know-how*) Barat. Jadi jalan terbaik untuk mengeksploitasi potensi dan menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak ialah mewujudkan atmosfera baik hubungan dua hala berasaskan kepentingan dan menghormati antara satu sama lain. Inilah juga jalan yang boleh memulihkan hubungan yang makin meruncing dan memburuk antara Barat dan Islam.

PENUBUHAN PUSAT-PUSAT DIALOG AGAMA

Satu perkara yang bersifat segera, penting dan bermakna ialah perlu adanya dialog yang berterusan antara orang Islam dan Barat dalam usaha membawa kefahaman yang lebih toleransi antara satu sama lain. Dengan kata lain, mencari titik persetujuan umum yang boleh disepakati tanpa ada rasa untuk menghina, menjatuh dan mengkritik antara satu sama lain. Prof. Dr. Jurgen S. Nielsen dari Sally Oak College, University of Birmingham dalam syarahannya pernah menyatakan bahawa pengwujudkan Centre for Muslims and Christians Relationships di universitinya, bukan bertujuan untuk mengesahkan mana yang benar atau salah dalam satu satu agama (contohnya Islam dan Kristian) atau cuba mengajak penganut satu-satu agama bertukar kepada agama lain, tetapi merupakan satu dialog terbuka yang boleh mencari persefahaman umum secara bersama, ke arah kebaikan bersama

²² Khurshid Ahmad (1995), *op.cit*, h. 67.

seperti yang dikehendaki oleh semua agama²³. Di Malaysia, Universiti Malaya sebagai contohnya menubuhkan Pusat Dialog Peradaban dan pernah mengadakan dua siri seminar antarabangsa untuk membahas dan membincangkan keselarasan matlamat beberapa agama antaranya Islam dan Confucius²⁴. Dr. Thomas Michael, Pengarah Sekretariat Jesuit Bagi Dialog Antara Agama, Rom Itali sewaktu membentangkan kertas kerjanya di Siri Wacana Ilmiah Damai (Dunia Melayu dan Islam), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM dengan tajuk Muslim-Christian Unity and Cooperation in the Thought of Bediuzzaman Said Nursi menyebutkan bahawa “ As one of the first religious thinkers in the course of this century to propose and promote dialogue between Muslims and Christians, Said Bursi’s advocacy of this dialogue dates back to 1911”²⁵. Jelasnya rintisan ke jalan pengharmonian dan titik-temu persamaan telah lama diusahakan, sekalipun saat ini belum nampak jalan penyelesaiannya, tidaklah wajar berputus asa, pertemuan demi pertemuan dan dialog demi dialog agar dapat mempererat dan memperdekatkan jurang perbezaan kefahaman antara agama-agama tersebut.

Jalan seterusnya ialah menerusi peranan media antarabangsa. Dalam konteks ini Baratlah yang memiliki dan menguasai keseluruhan informasi media antarabangsa. Jadi, Barat mestilah merai dan menghormati perasaan umat Islam, dengan cara mengelakkan daripada membuat projeksi dan propaganda ke atas umat Islam yang dirasakan oleh umat Islam sebagai berat sebelah, tidak tepat atau salah maklumat. Secara khususnya lagi laporan-laporan berita yang memaparkan Islam dan umatnya sebagai extreme-pelampau, fanatik, radikal, fundamentalis, pengganas dan lain-lain lagi. Sedangkan perkara yang sama kadang-kadang dilakukan oleh orang Yahudi dan Kristian, namun penamaan yang sedemikian tidak dilabelkan kepada kedua-dua kumpulan ini, contohnya sewaktu berlaku pengeboman bangunan Persekutuan di Oklahoma City, April 1995, Robert Heibel, Pengarah FBI Bahagian Penentang Keganasan seperti yang dimuatkan dalam *Seattle Post-Intelligencer* terus menunjuk jari kepada ekstremis dan fundamentalis Islam sedangkan faktanya dilakukan oleh orang kulit putih sendiri²⁶. Justeru itu

²³ J.S.Nielsen, Syarahan di Fakulti Pengajian Islam bertajuk *Dialogue Among Religions*, 20 April 2000. Anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM.

²⁴ Lihat Osman Bakar (1997). *Islam and Civilizational Dialogue: The Quest for a Truly Universal Civilization*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 1

²⁵ Thomas Michael, *Muslim-Christian Unity and Cooperation in the Thought of Bediuzzaman Said Nursi*, Syarahan Damai, ATMA, UKM, 10hb. Ogos 2004, h. 1.

²⁶ Louay M. Safi (1996). “Islam and the global change: dealing with distortion of the image of Islam by global media,” *Islamic Studies*, vol. 35, no. 3, Spring, h. 196.

Hubungan Islam-Barat: Mungkinkah Ada Jalan Pemulihan?

label-label negatif dan buruk mestilah dielakkan dalam laporan supaya tidak mengguris perasaan umat Islam, yang akhirnya membawa kepada dendam dan kebencian berterusan.

Tali hubungan juga dapat dijalin menerusi sosial dan kebudayaan, dengan andaian bahawa Barat tidak mahu terus menerus berada dalam kegawatan keruntuhan sistem sosial dan kemusnahan nilai moral akhlak masyarakat mereka seperti kini. Kita lihat, berita-berita memaparkan aktiviti jenayah, pembunuhan (baru-baru ini di Amerika Syarikat, seorang pelajar sekolah tinggi membunuh 12 orang rakannya termasuk seorang guru), rogol, menculik, pelacuran, keganasan, penyalahgunaan dadah, ketagihan alkohol dan bermacam-macam lagi perlakuan dan perbuatan tidak bermoral yang amat banyak untuk disenaraikan.

Kembali merujuk kepada fundamental akhlak-moral Islam dan nilai sosialnya yang universal, begitu juga dengan nilai-nilai sejagat semua agama lain yang inginkan kebaikan, di mana adalah diyakini ia mempunyai dasar pokok utuh serta berpotensi besar dibawa dan diserap ke dunia Barat secara lebih efektif untuk memelihara dan menjaga susun atur sosial Barat yang semakin berkecamuk dewasa ini. Apakah dunia Barat tidak mahu menerima pakai satu peraturan yang boleh membawa kepada kestabilan sosial masyarakat Barat? Penulis yakin, sebagai manusia yang rasional, tidak ada yang akan bertindak mengabaikan pengamalan nilai-nilai universal ini. Jadi menerusi pemulihan hubungan, banyak kelebihan-kelebihan sebegini yang ada pada Islam dapat dipraktikkan.

Barat sewajarnya tidak perlu risau tentang kemungkinan adanya orang Barat menganut Islam, kerana Islam tidak pernah memaksa orang lain menganut agamanya. Dari sudut lain Islam mengakui kewujudan kepelbagaian bangsa, budaya dan agama. Jadi, tidak ada hujah untuk memaksa orang lain menerima idea dan nilai menerusi ketententeraan dan kuasa politik. Pengiktirafan perbezaan yang wujud akan membuka jalan ke arah keharmonian hidup bersama dan saling hormat-menghormati, mengiktiraf hak-hak individu dan masyarakat secara bersama akan membawa jalan kebahagiaan bersama baik bagi orang Barat mahu pun orang Islam. Memetik pandangan tepat Alexander Solzhenitsyn, menyentuh hanya satu jalan untuk bangsa manusia mengharap untuk *survival* dan mewah ialah menerusi pengekangan dan penahanan kehendak dan kepentingan diri atau nafsu yang melampau (*self restraint*) semata-mata. Tambahan A. Solzhenitsyn lagi:

to limit firmly our desires and demands, to subordinate our interests to moral criteria. If the humanity fails on this count, we, humankind, will simply be torn apart as the worst aspect of human nature to bear their

teeth.... The paramount importance of self-restraint has only in this century arisen in its pressing entirety before mankind²⁷

Satu hal yang penting juga, umat Islam dan Barat secara khususnya hendaklah mengubah minda dan pemikiran ke arah paradigma baru dunia iaitu mestilah mengiktiraf '*pluralistic world*' bukannya '*single super power*' dan mengakui perbezaan cita rasa dan kehendak manusia dan pemilihannya. Khurshid Ahmad seterusnya menegaskan:

Acceptance not only of a plurality of political views but also of cultural and religious systems can provide parameters within which history can witness the flowering of a multi-cultural world. Instead of the 'clash of civilizations' there will be coexistence and healthy competition between civilizations²⁸

PENUTUP

Islam dan Barat (Kristian) saling memerlukan antara satu sama lain, bukan sahaja untuk kesejahteraan bangsa tersebut tetapi demi keamanan tamadun manusia seluruhnya. Islam bukanlah musuh kepada Barat (*Islam is not an enemy of the West*) dan Barat juga bukanlah pemusnah Islam dan umatnya. Pandangan sederhana ini sebenarnya mahu mengurangkan ketegangan dan permusuhan, seterusnya berpindah ke dimensi baru iaitu: *partners in history*. Petikan di bawah wajar direnung untuk diambil yang terbaik bagi semua pihak:

The historicity of these periods of clash and domination cannot be denied, but it would be a long way from the truth to assume that these have been the only modes of contact and confluence between these two cultural streams. There is also a long and brilliant history of peaceful relationships, diplomatic cooperation, economic and trade relationships, transfers of technology and the cross-fertilization of ideas and cultural experiences. In this respect, both have enriched each other²⁹.

²⁷ Khurshid Ahmad (1995). *op.cit.*, h. 72 dan A. Solzhenitsyn, *International Herald Tribune* 1993.

²⁸ Khurshid Ahmad, *ibid.*, h. 73.

²⁹ *Ibid.*, h 74.

Bibliografi

- Al-Qur'an dan Terjemahnya* (1412H). Madinah: Kerajaan Saudi Arabia.
- Dimont, Max I. (1973). *The Indestructible Jews*, New York: New American Library.
- Esposito, John. L. (1992). *The Islamic Threat: Myth or Reality?* Oxford: Oxford University Press.
- _____. (1994). *Islam: The Straight Path*. Oxford: Oxford University Press.
- 'Irfan 'Abd al-Hamīd. (1984). *Al-Falsafah al-Islāmiyyah: Dirāsah wa Naqd*. Beirut: Muasasah al-Risalah.
- Khurshid Ahmad. (1995). "Islam and the West: Confrontation or Cooperation?" *The Muslim World*. 85.
- Michael, Thomas. "Muslim-Christian Unity and Cooperation in the Thought of Bediuzzaman Said Nursi", Syarahan Damai, ATMA, UKM, 10hb. Ogos 2004, Sudut Wacana ATMA.
- Muhammad Husayn Haykal. (1988). *The Life of Muhammad*, (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa, Muhammad Yusuf. (1988). *Al-Islām wa al-Hājat al-Insāniyyah ilayh*. Jakarta: Rajawali Press.
- Nielsen, J.S. Syarahan di Fakulti Pengajian Islam bertajuk *Dialogue Among Religions*, 20 April 2000. Anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM.
- Nurcholish Madjid. (1992). *Islam Doktrin dan Peradaban: Sebuah Telaah Kritis Tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan dan Kemodernan*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.
- Osman Bakar. (1997). *Islam and Civilizational Dialogue: The Quest for a Truly Universal Civilization*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rodinson, Maxime. (1971), *Mohammed*, London: Penguin Books.
- Sadrudin Aga Khan. (1985). "Islam and the West". *Islamic Quarterly*. 29.
- Safi, Louay M. (1996). "Islam and the global change: dealing with distortion of the image of Islam by global media", *Islamic Studies*. 35.
- _____. 2002. "Overcoming the polemic of intolerance", *American Journal of Social Sciences*, Fall 2002, 19, num. 2, editorial.
- Southern. (1975). *Nazrat al-Gharb ila al-Islām fi Qarn al-Wasat*, (terj.) Ali Fahmi Khashim dan al-Dīn al-Ḥusnī. Libya: Dār Maktabah al-Fikr.
- Watt, W.M. (1991). *Muslim-Christians Encounters: Perceptions and Misperceptions*. London: Routledge.

- Watt, W.M. (1961). *Muhammad: Prophet and Statesmen*. London: Oxford University Press.
- Yamani, Mohamed Abdou. (1997). "Islam and the West: The Need for Mutual Understanding". *The American Journal of Social Sciences*. 14.
- Zaazuq, Mahmud Hamdi. (1989). *Orientalisme: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*. terj. Mudasir Rosder dan Che Yusof Che Mat. Kuala Lumpur: DBP.